

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN BAGI ACARA HARGA JUALAN MURAH BERTAJUK
“JUALAN ANEKA BRUNEI 2019” SELARAS DENGAN
PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA (HARGA JUALAN MURAH) 2012**

29 April 2019 – 23 Jun 2019

Proses Notifikasi:

- 1) Syarikat perniagaan yang ingin menyertai *Jualan Aneka Brunei 2019* selama 56 hari bermula 29 April 2019 hingga 23 Jun 2019 perlu terlebih dahulu memaklumkan Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.
- 2) Syarikat perniagaan dikehendaki mengisi Borang Makluman yang boleh diperolehi di kaunter Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna atau dimuat turun dari laman sesawang JPKE (<http://www.depd.gov.bn/cad>). Borang Makluman perlu disertakan bersama Senarai Harga (*hard copy* atau *soft copy*) yang diberi potongan harga (diskaun) dengan maklumat seperti kod, jenama, harga asal, harga selepas potongan dan potongan peratus.
- 3) Syarikat perniagaan dikehendaki mematuhi syarat-syarat di bawah **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah) 2012** termasuk menyatakan keterangan yang benar di dalam Borang Makluman dan Senarai Harga. Kegagalan dalam mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah dikira sebagai melakukan suatu kesalahan. Kesalahan-kesalahan boleh dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000. Jika masih berulang boleh dikenakan denda sebanyak BND5,000 serta 2 tahun penjara dan kesalahan berikutnya BND20,000 serta 5 tahun penjara.
- 4) Borang Makluman berserta Senarai Harga perlu dikembalikan kepada alamat berikut atau melalui emel sales@jpke.gov.bn **sekurang-kurangnya 5 hari sebelum *Jualan Aneka Brunei 2019* bermula atau tidak lewat daripada 24 April 2018:**

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Bilik 2A 3:06, Tingkat 3, West Wing,
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping,
Bandar Seri Begawan, BA1311

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN BAGI ACARA HARGA JUALAN MURAH BERTAJUK
“JUALAN ANEKA BRUNEI 2019” SELARAS DENGAN
PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA (HARGA JUALAN MURAH) 2012**

29 April 2019 – 23 Jun 2019

Syarat-Syarat:

- 1) Notis Penyertaan perlu dipamerkan di tempat yang bersesuaian dan mudah untuk dilihat sepanjang tempoh *Jualan Aneka Brunei 2019*.
- 2) Semua barangan atau perkhidmatan yang dijual hendaklah dibubuh dengan terang dan jelas tanda harga asal, harga selepas potongan dan/atau potongan peratus selaras dengan **Peraturan 9(1) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah) 2012**. Harga asal bermaksud harga normal paling rendah yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dalam masa menjalankan perniagaan di premis yang sama dalam tempoh **30 hari sebelum *Jualan Aneka Brunei 2019* bermula**.
- 3) Syarikat perniagaan dikehendaki mengekalkan rekod perniagaan yang benar termasuk Senarai Harga Barangan atau Perkhidmatan bagi setiap cawangan yang ikut serta dalam *Jualan Aneka Brunei 2019* apabila diperlukan semasa pemeriksaan dijalankan selaras dengan **Peraturan 11(a) dan (b) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah) 2012**.
- 4) Setiap pengiklanan melalui media perlu disertakan (i) nombor rujukan *Jualan Aneka Brunei 2019*; (ii) jenis barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan; dan (iii) tempat *Jualan Aneka Brunei 2019* diadakan. Pengiklanan hendaklah jelas agar tidak mengelirukan pengguna.
- 5) Kain rentang dan iklan hendaklah menggunakan tajuk *Jualan Aneka Brunei 2019*. Kain rentang dan iklan boleh dipasang dan dikeluarkan seawal-awalnya **3 hari sebelum *Jualan Aneka Brunei 2019* bermula**.
- 6) Syarikat perniagaan akan dipertanggungjawabkan jika menerima sebarang aduan daripada orang ramai mengenai barangan atau perkhidmatan yang dijual atau ditawarkan semasa *Jualan Aneka Brunei 2019* yang melibatkan:
 - a) barang-barang yang mempunyai kualiti boleh dagang;
 - b) barang-barang atau perkhidmatan sesuai dengan munasabah untuk tujuan-tujuannya; dan
 - c) waranti atau jaminan keatas barang-barang atau perkhidmatan.
- 7) **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah) 2012** boleh dimuat turun di laman sesawang JPKE (www.depd.gov.bn/cad).
- 8) Jarak di antara dua acara harga jualan murah adalah selama 14 hari.